

Deklamasi sajak gaya kreatif seri acara

Pentas Kemuning II turut papar tarian dan silat

20 OCT 1990

ACARA deklamasi sajak memang sukar menarik perhatian ramai penonton, lebih-lebih lagi jika ia begitu panjang dan sukar dihayati.

Namun, Persatuan Kemuning Singapura, ingin membuktikan bahawa biar bagaimana panjangnya sajak itu, ia tidak akan membosankan jika penyampaiannya dibuat secara kreatif dan benar-benar menggambarkan citarasanya.

Sajak sepanjang lima muka surat itu akan disajikan sebagai satu acara dalam Pentas Kemuning II, pada 23 Oktober ini, di Pusat Drama, Canning Rise, mulai 8 malam.

20 OCT 1990

Pegawai Perhubungan Kemuning, Encik Djamal Tuki/min, yang juga penulis sajak itu, berkata karya berjudul *Sajak Tahun Baru Untuk Laila, Salamah Begum dan Sumiati* itu akan dideklamasi oleh pelakon Zamberi Abdul Patah dan Ariati Mukmin serta beberapa penari.


"Suara kedua-dua orang itu sudah cukup baik untuk menghidupkan sajak saya. Mereka akan diiringi oleh beberapa penari yang akan membuat pergerakan-pergerakan simbolik," kata Encik Djamal.

Acara itu dijangka mengambil masa 20 minit.

Sajian pembuka tirai pentas itu, *Sekapur Sirih* pula akan mengetengahkan hasil kreatif terbaru perekatari, Encik Salleh Buang.

Menurut Encik Salleh, beliau akan menggabungkan empat unsur seni — tarian, silat, sajak dan drama — dalam satu persembahan.

"Menerusi persembahan



MENONGKAT LANGIT: Tarian terbaru perekatari Salleh Buang ini akan mengingatkan penonton agar jangan menyalahgunakan ilmu yang diperolehi untuk menganiaya orang lain.

ini, saya mahu tunjukkan bahawa orang-orang seni, biar daripada bidang apa sekali pun, boleh bersatu jika ada persefahaman dan kerjasama antara satu dengan lain," ujarnya.

Satu lagi ciptaannya, tari-tara *Menongkat Langit* membawa mesej bahawa setinggi mana pun ilmu seseorang, mereka akan tetap mendapat balasan jika ilmu yang dituntut disalahgunakan.

"Ilham tarian ini adalah hasil daripada tragedi yang pernah terjadi di depan mata saya," kata Encik Salleh yang enggan menerangkan pengalaman tersebut.

Kesemua tariannya diiringi oleh gabungan muzik elektronik dan tradisional seperti gamelan dan gong.

Pementasan selama dua jam itu akan juga menampilkan bakat-bakat muda Kemuning dalam acara nyanyian. Para penyanyi belasan tahun itu akan menyanyikan lagu-lagu Melayu lama seperti *Syurga Di Telapak Kaki Ibu* dan *Selendang Mayang*.

Turut menyerikan acara ialah penari/penyanyi cilik, Caca (Norsalizah Salleh) yang akan mendendangkan lagu yang dipopularkan oleh kumpulan Alleycats, *Layang Layang Putus Tali* dan *Ka-*

mar Sepi oleh Ruhil.

Turut diadakan ialah persembahan silat masal dan be-regu.

Tiket-tiket berharga \$4 boleh didapatkan di Pusat Drama. 20 OCT 1990

Sementara itu, Festival Teater Remaja anjuran Kemuning yang akan berlangsung Disember ini masih mempunyai tempat bagi bahagian tarian.

Kumpulan-kumpulan yang berminat boleh mendaftarkan borang di kaunter tiket Pusat Drama sebelum acara Pentas Kemuning II dimulakan.